

11/07/1998

Usaha hapuskan `pengarah tidur`

H H

PENDAFTAR Syarikat (ROC) mendedahkan ada di kalangan individu yang menjadi pengarah kepada lebih 200 syarikat. Seorang individu dikenal pasti menjadi pengarah 198 syarikat manakala seorang lagi menduduki kerusi itu di 230 syarikat.

Maka bertanyalah Ketam Batu kepada seorang rakan yang kebetulan dilantik pengarah beberapa syarikat, individu macam manakah yang rela menjadi pengarah lebih 200 syarikat itu. Rakan ini yang satu ketika pernah terbabit cergas dalam politik, yakin individu itu adalah di kalangan orang politik. Katanya, mereka terutama yang ke sana sini mencari projek memang biasa menjadi pengarah dalam banyak syarikat.

Ketam Batu juga yakin tekaan beliau itu agak tepat. Kita percaya, mereka yang arif dan tinggi kefahaman mengenai selok-belok urusan syarikat dan korporat, tidak mudah untuk sanggup menjadi pengarah kepada beratus-ratus syarikat. Hanya mereka yang tidak cerdik saja yang sanggup terima banyak jawatan pengarah tanpa mengetahui bebannya.

Menjadi pengarah bukan suatu yang mudah. Memang sedap didengar jadi pengarah syarikat itu dan syarikat ini, tetapi tanggungjawabnya adalah sangat berat. Adakalanya juga, mereka yang jadi pengarah banyak syarikat ini `diarah` untuk menjadi pengarah bagi mewakili pihak tertentu. Lantaran itu, apabila diminta memberi salinan kad pengenalan dan menurunkan tanda tangan di borang 48a, tidak banyak kira, mereka ikut arahan dan jadi pak sanggup tanpa mengetahui apakah risiko yang bakal ditanggung seseorang pengarah.

Seperkara lagi yang menyebabkan seseorang individu itu menjadi pengarah banyak syarikat ialah kerana mereka sanggup `tumpang nama` setiap kali ada projek yang dimohon. Apabila memohon sesebuah projek, syarikat baru ditubuhkan dan dia menjadi pengarah. Esok apabila ada lagi projek lain yang mahu dimohon, mereka tubuh lagi syarikat dan sekali lagi jadi pengarah. Itu belum lagi peruntukan saham untuk Bumiputera yang diluluskan oleh kerajaan. Untuk tujuan itupun mereka tubuh syarikat dan jadi pengarah lagi. Apabila projek dan saham yang dimohon itu tak dapat, syarikat tetap wujud walaupun tidak beroperasi dan mereka kekal lagi jadi pengarah tanpa dapat apa-apa.

Tidak terkecuali juga, ada individu yang jadi pengarah untuk dapat pelbagai kemudahan yang disediakan. Selain kereta yang dipandu drebar, mereka juga diberi pelbagai elaun keraian. Biasanya, mereka yang jadi pengarah ini adalah kalangan yang berpengaruh dan mempunyai `nama` dalam masyarakat. Ada juga mereka ini yang tidak tahu apakah tanggungjawab sebenar yang terpaksa dipikul apabila jadi pengarah, tetapi kerana pelbagai kemudahan yang diterimanya, mereka sanggup `tumpang nama`. Mereka juga merasakan kerana sebagai pengarah yang tidak ada kuasa eksekutif, mereka boleh terlepas jika sebarang perkara yang tidak diinginkan berlaku ke atas syarikat itu, termasuk jika ke mahkamah. Sebenarnya, sebagai seorang ahli lembaga pengarah, mereka akan dipertanggungjawabkan jika sesuatu yang buruk berlaku ke atas syarikat itu walaupun mereka tidak mempunyai kuasa eksekutif.

Melihat kepada senario ini, memanglah wajar jika kerajaan mempertimbangkan kemungkinan menghadkan penyandangan jawatan pengarah oleh seseorang individu. Ini sebagai langkah memastikan pengurusan korporat bertaraf tinggi dan tidak mudah dijadikan isu memperkatakan keburukan industri itu. Ia juga selaras dengan saranan Perdana Menteri,

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu peraturan dan undang-undang baru perilaku korporat diperkenalkan bagi meningkatkan ketahanan syarikat.

Berbalik kepada soal jadi pengarah 200 syarikat itu, memang elok benarlah Pendaftar Syarikat (ROC) diminta oleh menteri menyiasat mereka yang memegang banyak jawatan itu. Dengan cara ini kita dapat tahu sama ada mereka memainkan peranan efektif kepada syarikat yang melantik mereka itu. Kalau benar mereka tidak memberi sumbangan dari segi produktiviti, wajar sangat mereka diminta meletakkan jawatan. Eloklah pegawai ROC panggil seorang demi seorang.

Bagaimanapun persoalannya, apakah jumlah paling sesuai yang boleh dikuatkuasakan oleh ROC bagi seseorang itu untuk menjadi pengarah dalam sesebuah syarikat. Sepuluh, 15 atau 50?

Namun dalam hal ini, perlu diambil kira bagaimana pula dengan konglomerat yang mempunyai anak syarikat yang banyak. Pasti pengarah dalam syarikat induk akan menduduki kerusi lembaga pengarah anak-anak syarikat bagi memudahkan urusan dari atas ke bawah dan mempunyai penguasaan penuh dalam sesebuah syarikat itu. Apakah pengarah-pengarah ini boleh dihadkan dan dilarang duduk sebagai pengarah dalam 100 anak syarikat yang dikuasai penuh oleh syarikat induk yang beliau adalah pengarah. Pasti akan menyukarkan mereka bekerja termasuk dari segi aspek kawalan operasi.

Bagi Ketam Batu, perkara utama yang perlu diselesaikan di sini ialah menghapuskan `sleeping directors'. Rasanya, tidak salah seseorang itu menjadi pengarah dalam 100 syarikat jika ia dapat memberi sumbangan meningkatkan produktiviti semua syarikat yang didudukinya dan menjadi pengarah kerana memudahkan `control' dalam pelbagai aspek pengurusan anak-anak syarikatnya.

Kita percaya perkara ini boleh diatasi jika ROC membuat pemeriksaan dan pemerhatian teliti satu persatu syarikat yang dikatakan mempunyai ramai pengarah. Jumlah syarikat yang terlalu banyak berdaftar di ROC bukanlah alasan untuk mereka tidak melakukannya kerana itu adalah antara matlamat dan tugas ROC ditubuhkan. Menyemak maklumat menerusi komputer juga bukanlah terlalu memeningkan. Itupun kalau sistem komputer digunakan sepenuhnya di ROC! Bagi menghapuskan `pengarah tidur' ini, mungkin ROC boleh mengikuti jejak Bank Negara yang melarang sama sekali ahli politik menduduki lembaga pengarah institusi kewangan tempatan.

(END)